

Kualiti air kini dikategorikan kelas 1 dan 2 serta boleh digunakan untuk mandi

Tasik Chini semakin pulih

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

PEKAN — Tahap kualiti air di Tasik Chini di sini yang dikategorikan sebagai kelas 4 dan kelas 5 pada 2009 kini semakin pulih kepada kelas 1 dan kelas 2.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, perubahan positif itu merupakan hasil daripada langkah-langkah pemuliharaan bersepadu melibatkan pelbagai agensi kerajaan.

Menurutnya, sejak 2015, tahap kebersihan air di Tasik Chini semakin baik dan berada dalam kelas 2 yang boleh digunakan untuk mandi serta hidupan akuatik tasik juga sudah hidup semula. Tasik itu merupakan tasik kedua terbesar di Malaysia.

“Hari ini kita lihat ada kawasan yang sudah mencapai kualiti air kelas 1 dan ia menunjukkan kepada peningkatan dari segi kualiti (air tasik) pada setiap tahun,” katanya pada sidang akhbar selepas meninjau keadaan Tasik Chini di sini semalam.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azizhan Ahmad dan Pengerusi Jawa-



WAN JUNAIDI (kiri) bersama rombongan menaiki bot ketika melakukan lawatan kerja untuk meninjau kualiti air di Tasik Chini, Pekan semalam.

tankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Mohd. Sofi Abd. Razak.

Pada 2009, Tasik Chini dilaporkan mengalami pencemaran sehingga menjejaskan kualiti air termasuk mengalami kekeruhan akibat kegiatan penebangan pokok serta perlombongan di sekitar kawasanya.

Wan Junaidi memberitahu, beliau juga sudah mengarahkan agensi-agensi terlibat seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan Semanjung Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Geosains dan Mineral supaya terus memantau usaha

pemuliharaan di sekitar kawasan tasik tersebut.

“Saya lihat aktiviti pembalakan dan perlombongan sudah tiada, cuma terdapat kesan lama. “Bagaimanapun, Tasik Chini masih menghadapi risiko mengalami pencemaran seperti yang berlaku ketika musim banjir pada Januari lalu apabila air Sungai Pahang memasuki Tasik Chini menerusi saluran anak-anak sungai,” ujarnya.

Wan Junaidi berkata, bagi mengelak pencemaran air banjir di Tasik Chini, pihaknya akan mengkaji kesesuaian untuk membina pintu air boleh laras memandangkan pintu air yang ada pada masa kini ber-



GAMBAR air di Tasik Chini, Pekan yang mengalami kekeruhan dipercayai akibat kegiatan pembalakan dirakam pada November 2014.

bentuk statik yang tidak boleh menghalang kemasukan air Sungai Pahang.

“Keadaan pasang surut air tasik juga menyebabkan ikan dan tumbuhan seperti pokok teratai boleh mati. Pasang surut air ini disebabkan pokok-pokok di sekeliling tasik baru pulih daripada penebangan hutan dan belum mampu mengekalkan paras air yang normal,” katanya.

Bagi kualiti air kelas 1, airnya boleh diminum terus tanpa rawatan manakala kelas 2 (perlukan rawatan biasa) dan kelas 3 (tercemar). Kelas 4 dan 5 pula airnya berbau busuk dan berwarna hitam.

INFO Peta lokasi Tasik Chini di Pekan



Budak lima tahun nyaris reputan